

KHUTBAH AIDIL ADHA 1441H/2020M

“IBRAH PENGORBANAN NABI IBRAHIM DAN NABI ISMAIL ALAIHIMAS SALAM”

(31 Julai 2020M/ 10 Zulhijjah 1441H)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَنَا الْبَيَانَ، وَجَعَلَ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ كَبُيَّانٍ، يَشُدُّ

بَعْضُهُ بَعْضًا وَلَوْ اخْتَلَفَ الْمَكَانُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الرَّحِيمُ

الْمَنَّانُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى مِنْ

عَدَنَانٍ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

الرَّاجِينَ الْفَوْزَانَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ،

Hadirin jamaah yang dirahmati Allah.

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*, dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-

Nya. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang bertaqwa dan diredhai oleh-Nya di dunia hinggalah ke hari akhirat.

Di pagi Aidiladha ini, khatib mengajak muslimin dan muslimat sekalian untuk menghayati khutbah Aidiladha yang bertajuk **“Ibrah Pengorbanan Nabi Ibrahim Dan Nabi Ismail Alaihimassalam”**.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Hadirin jamaah yang dirahmati Allah.

Aidiladha juga dikenali sebagai Hari Raya Korban. Ia sejajar dengan kisah pengorbanan agung Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *alaihimas salam* dalam membuktikan ketaatan dan kehambaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Dari situlah datang syariat ibadah korban binatang ternakan yang hukumnya sunat muakkad (amalan yang amat digalakkan). Gabungan sejarah pengorbanan dan tuntutan berkorban inilah yang menjadikan hari raya Aidiladha mampu memberi kesan yang mendalam pada jiwa insan yang menghayatinya.

Nabi Ibrahim *alaihis salam* dengan sepenuh kerelaan hatinya menerima perintah menyembelih anaknya Nabi Ismail *alaihis salam* dan anaknya Nabi Ismail *alaihis salam* juga dengan penuh rela hati tanpa membantah sedikit pun memenuhi permintaan bapanya yang merupakan perintah Allah dan ujian yang besar daripada-Nya. Kerelaan kedua-dua anak beranak itu jelas dirakam oleh Allah *subhanahu wata'ala* menerusi firman-Nya dalam Surah as-Saaffat, ayat 102 :

فَمَا بَلَغَ مَعَهُ السَّعَىٰ قَالَ يَبْنِيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْنُوكَ فَأَنْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ
قَالَ يَتَأْتِ أَفْعَلٌ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya : Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya, aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".

Kata-kata sayu dan hiba daripada seorang ayah yang penyayang dan disambut pula oleh anak yang soleh menjadikan kisah pengorbanan ini contoh terulung di dalam sejarah kehidupan manusia di dunia ini. Seorang ayah sanggup mengorbankan anak kesayangannya demi melaksanakan perintah Allah walaupun perbuatan itu bertentangan dengan jiwa dan kemahuannya.

Namun, ketaqwaan dan ketaatannya kepada Allah *subhanahu wata'ala* mengatasi segala-galanya, maka ia bersedia melaksanakan perintah tersebut dengan penuh keyakinan, kesabaran dan ketakwaan. Ketaatan dan ketaqwaan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *alaihimas salam* dalam melaksanakan perintah tersebut telah menjadikan mereka berdua berjaya dalam ujian Allah yang amat besar itu apabila Allah *subhanahu wata'ala* menyelamatkan Nabi Ismail *alaihish salam* dengan memerintahkan disembelih seekor kibasy bagi menggantikan tempatnya. Kisah ini

memaparkan betapa Allah *subhanahu wata'ala* meletakkan sifat berkorban sebagai sifat yang dipandang tinggi olehNya dan sekaligus menjadi bukti kepatuhan dan ketaatan kepada Allah *Rabbul 'Alamin*.

Sesungguhnya, ibadah korban mengandung hikmah yang begitu luas yang perlu difahami oleh setiap umat Islam. Hikmah-hikmah inilah yang akan menjadi pendorong dan membentuk keazaman di dalam jiwa untuk menyempurnakan ibadah korban. Di antaranya ;

Pertama : Menyemai ketaqwaan ke dalam diri dengan mengutamakan ketaatan dan cinta kepada Allah *subhanahu wata'ala* mengatasi cinta kepada selain-Nya. Inilah yang dijelaskan oleh Allah melalui firman-Nya di dalam Surah al-Hajj, ayat 37 yang bermaksud :

Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berusaha supaya baik amalnya.

Kedua : Menghayati dan meraih ganjaran ibadah agung ini. Inilah yang dimaksudkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud *rahimahullah* daripada Zaid bin Arqam *radhiallahu anhu*, dia berkata yang maksudnya :

“Para Sabahat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah ertinya sembelihan korban ini? Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawab: “Ia sunnah bapa kamu Ibrahim (alaih salam).” Mereka bertanya: Apa yang akan kami perolehi daripadanya?” Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawab: Bagi setiap helai rambut satu kebajikan.” Mereka bertanya lagi : “Bagaimana pula dengan bulunya wahai Rasulullah?” Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawab : “Bagi setiap helai rambut dan bulu halusnya satu kebajikan.”

Ketiga : Membentuk jiwa berkorban dan mengasihi insan lain. Dengan ibadah ini kita dapat memberi dan mengagih-agihkan nikmat kepada insan lain yang serba kekurangan. Oleh itu, dalam proses pengagihan daging korban perlulah dipastikan semua fakir miskin di kariah kita diutamakan dalam senarai penerima agihan daging korban ini.

Inilah hakikat sebenar Aidil Adha, hari raya yang menuntut pengorbanan dari setiap diri umat Islam. Lebih-lebih lagi dalam keadaan negara kita dan seluruh dunia sedang berusaha mengekang penularan wabak Covid 19. Setiap umat Islam, seharusnya mengambil sikap prihatin dan sedia berkorban bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan mengikut kemampuan masing-masing, sama ada dengan wang ringgit, tenaga, buah fikiran, doa dan sebagainya. Semoga dengan secebis pengorbanan yang kita hulurkan, ia tetap dinilai sebagai

amal soleh dan menjadi bukti kejujuran iman kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hajj, ayat 34 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ
فَالْهُكْمَ إِلَهُهُ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا وَنَشِرَ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya : Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang yang tunduk taat.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ *

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ *

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْأَضْحَى مِنْ أَجْلِ الْقُرْبَانِ. وَضَاعَفَ لِعَامِلِهَا الْحَسَنَاتِ. وَكَانَتْ سَبَبًا لِدُخُولِ أَهْلِهَا الْجَنَّاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ فَازُوا بِالْجَنَّةِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah

Mulai subuh 9 Zulhijjah pada hari semalam, umat Islam disunatkan memperbanyakkan takbir mengagungkan Allah *subhanahu wata'ala*, terutama pada setiap kali selepas solat fardhu atau sunat di sepanjang hari-hari tasyriq yang berakhir selepas solat fardhu Asar hari ke 13 Zulhijjah. Di samping itu, kita hendaklah

memperbanyakkan selawat ke atas Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sebagai tanda kasih sayang kita kepada baginda yang berjasa besar menyampaikan risalah Islam dengan pelbagai pengorbanan dan jihad.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ، وَقَاضِي
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin

Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan, kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا
لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.
وَوَفَّقْنَا وَإِيَّاكُمْ لِكُلِّ فِعْلٍ حَمِيدٍ، وَأَعَادَ عَلَيْنَا وَعَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ هَذَا
الْيَوْمِ السَّعِيدِ، وَأَعَدْنَا وَإِيَّاكُمْ مِنْ هَوْلِ الْيَوْمِ الْوَعِيدِ. وَأَدْخَلْنَا وَإِيَّاكُمْ
الْجَنَّةَ مَعَ الْفَائِزِينَ الَّذِينَ
دَعَوْتَهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَعَاخِرُ دَعْوَتِهِمْ أَنْ الْحَمْدُ
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.